

<b>Headline</b>	<b>TNB peroleh dana RM144j biaya projek Solar Berskala Besar</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Harian Metro</b>		
<b>Date</b>	<b>11 Jan 2019</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>112,705</b>	<b>Readership</b>	<b>338,115</b>
<b>Section</b>	<b>Bisnes</b>	<b>Page No</b>	<b>37</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>100 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 11,772</b>		



**Kuala Lumpur**

## **TNB peroleh dana RM144j biaya projek Solar Berskala Besar**

Tenaga Nasional Bhd (TNB) memperoleh pembiayaan RM144 juta bagi projek Solar Berskala Besar (LSS) keduanya di Malaysia yang terletak di Bukit Selambau, Kuala Muda, Kedah.

Dalam satu kenyataan semalam, TNB berkata, pembiayaan untuk projek itu dimeterai oleh anak syarikat milik penuhnya, TNB Bukit Selambau Solar Sdn Bhd (TBSS) bersama MUFG Bank Malaysia Bhd, baru-baru ini.

Katanya, MUFG Bank menyediakan pembiayaan sehingga RM144 juta serta keperluan modal kerja untuk projek terbabit.

“TBSS yang ditubuhkan sebagai syarikat tujuan khas (SPV) untuk membangunkan LSS di Kuala Muda memperoleh projek berkenaan daripada Suruhanjaya Tenaga

menerusi proses pembidaan kompetitif.

“TNB dan TBSS menandatangani Perjanjian Pembelian Tenaga (PPA) selama 21 tahun untuk projek ini pada awal Mac 2018 dan ia dijangka siap menjelang suku keempat 2020,” katanya.

TNB berkata, LSS itu memiliki kapasiti penjanaan 30 megawatt (MW) dengan kapasiti terpasang DC pada 45MWp.

“Projek LSS pertama TNB beroperasi di Kuala Langat, Selangor dan mempunyai kapasiti penjanaan 50MW dengan kapasiti terpasang DC pada 78MWp.

“Kedua-dua projek LSS ini mengukuhkan aspirasi dan komitmen TNB untuk mempertingkat tenaga boleh diperbaharui (RE) dalam negara,” katanya.